

SKIM BANTUAN ZAKAT MUALAF: SATU KAJIAN KONTEMPORARI DI WILAYAH PERSEKUTUAN¹

Azman, A.R², Irwan, M.S³, Nuradli Ridzwan Shah, M.D⁴, Mahazan,
A.M⁵, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R⁶, Rose Irnawaty, Ibrahim⁷ &
Norlina Ismail⁸



¹ Kertas Kerja ini dibentangkan di Muktamar Waqf Iqlimi II, pada 26 & 27 Ogos 2015, anjuran Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf (PPPW), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang telah diluluskan dan dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Geran Kompetitif USIM, kod penyelidikan: PPP/UTG-0213/FSU/30/13013. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini dan sentiasa memberikan sokongan dan galakan dalam usaha menyempurnakan penyelidikan ini.

² Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: azman@usim.edu.my

³ Prof. Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: irwan@usim.edu.my

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: nuradli@usim.edu.my; mohdddalins@yahoo.com

⁵ Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: mahazan@usim.edu.my

⁶ Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: wmfazrul@usim.edu.my

⁷ Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: rose.irnawaty@usim.edu.my

⁸ Calon Pelajar Sarjana Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: linaismail29@gmail.com

ABSTRACT

Converts is one of the group which obtained a portion of zakat after asnaf and poor groups and registered zakat collectors (amil). Systematic distribution of zakat can give justice to those who are eligible to receive zakat donations as converts. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) as an institution that responsible for managing the zakat fund has provided various aid schemes for them. The question arises whether zakat distribution scheme and aid provided by the MAIWP can meet all the needs and will of converts, especially in the Federal Territory. Therefore, this study was undertaken to determine the distribution of zakat schemes provided to convert by MAIWP. These schemes will be assessed either it is cover convert need by total based on the reality of life, particularly in the Federal Territory of Kuala Lumpur. This study used a qualitative methodology through text study and field studies to reach respondents who are directly involved in managing the distribution of zakat. The study found that the distribution schemes provided by MAIWP nearly complete each conversion needs. The study suggests a number of improvements such as burial scheme, Tabung Haji Savings Scheme and other schemes to meet the needs of life and preserving the welfare of converts. Further studies should be conducted to identify the constraints and needs of converts, especially after the Goods and Service Tax (GST) was implemented to improve existing zakat distribution scheme to convert from time to time.

Keywords: Converts, Zakat Scheme, Zakat Distribution, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Federal Territory.

ABSTRAK

Mualaf merupakan salah satu golongan asnaf yang memperolehi bahagian zakat selepas asnaf fakir, miskin dan amil sebagaimana yang telah disebut dalam Al-Quran. Pengagihan zakat secara sistematik dapat memberi keadilan kepada golongan yang layak menerima bantuan zakat seperti asnaf mualaf. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam menguruskan dana zakat telah menyediakan

pelbagai skim bantuan zakat kepada golongan ini. Persoalan yang timbul sama ada skim agihan zakat dan bantuan yang disediakan oleh MAIWP ini dapat memenuhi kesemua keperluan dan kehendak asnaf mualaf terutamanya di Wilayah Persekutuan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti skim-skim agihan zakat yang disediakan oleh MAIWP kepada asnaf mualaf. Skim-skim tersebut akan dinilai sama ada meliputi keperluan mualaf secara total berdasarkan realiti kehidupan terutamanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini akan mencadangkan beberapa penambahbaikan kepada skim-skim agihan tersebut. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kajian teks dan juga kajian lapangan bagi mendekati responden yang terlibat secara langsung dalam urusan pengagihan zakat. Hasil kajian mendapati bahawa skim-skim agihan yang disediakan oleh MAIWP hampir melengkapi setiap keperluan asnaf mualaf. Analisa kajian mendapati masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dicadangkan. Kajian mencadangkan beberapa penambahbaikan skim seperti skim pengurusan jenazah, Skim Simpanan Tabung Haji dan beberapa skim lain bagi memenuhi keperluan hidup serta memelihara kebajikan asnaf mualaf. Kajian lanjutan perlu dijalankan bagi mengenal pasti kekangan dan juga keperluan semasa asnaf mualaf terutamanya selepas cukai barang dan perkhidmatan atau Goods and Service Tax (GST) dilaksanakan bagi menambah baik skim agihan zakat sedia ada kepada asnaf mualaf dari semasa ke semasa.

Kata kunci: *Mualaf, Skim Bantuan Zakat, Agihan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Wilayah Persekutuan.*

PENDAHULUAN

Pensyariatan zakat merupakan salah satu medium perkongsian kekayaan bagi mengukuhkan ekonomi serta dapat memupuk sifat saling bantu membantu sesama umat Islam. Zakat juga dapat menyucikan harta pendapatan yang diperoleh melalui pelbagai sumber dan diagihkan kepada golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Syarak. Salah satu golongan yang telah ditentukan bahagiannya adalah asnaf *al-mu'allafatu qulubuhum* atau lebih dikenali sebagai “mualaf”. Pensyariatan zakat kepada golongan ini telah dinyatakan di dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(al-Quran. al-Tawbah 9: 60)

Bagi melaksanakan tuntutan ini, satu badan atau institusi diperlukan sebagai pengantara bagi melaksanakan urusan kutipan dan agihan zakat khususnya kepada asnaf mualaf. Di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bertindak sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam menjaga hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan termasuk memantau urusan berkaitan pengurusan zakat. Terdapat pelbagai skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf mualaf di Wilayah Persekutuan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak majlis.

Dalam memastikan skim yang disediakan sentiasa relevan dan merangkumi segala aspek keperluan yang diperlukan oleh asnaf mualaf, satu kajian dijalankan untuk mengenal pasti bentuk skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf mualaf sama ada bersesuaian dengan keperluan dan kehendak semasa. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti skim-skim bantuan zakat yang diagihkan kepada asnaf mualaf di Wilayah Persekutuan berdasarkan buku Dasar Agihan Skim Bantuan Baitulmal MAIWP. Skim-skim tersebut akan dinilai sama ada meliputi keperluan asnaf mualaf secara keseluruhannya dengan mengambil kira realiti semasa kehidupan di Wilayah Persekutuan. Kajian ini juga mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan skim bantuan zakat yang diagihkan kepada asnaf mualaf di Wilayah Persekutuan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan dua kaedah kajian iaitu melalui kajian teks dan kajian lapangan.

Kajian Teks

Kaedah ini melibatkan kajian perpustakaan atau dokumentasi untuk mendapatkan maklumat berkenaan tafsiran asnaf mualaf menurut pandangan para fuqaha dan juga tafsiran kontemporari. Melalui kajian teks juga, penulis akan mengenal pasti tafsiran asnaf mualaf serta skim yang disediakan kepada asnaf mualaf di Wilayah Persekutuan. Kaedah ini tidak tertumpu kepada buku semata-mata, tetapi juga melalui rujukan jurnal, laporan tahunan, majalah dan akhbar.

Kajian Lapangan

Melalui kaedah ini, beberapa orang responden yang terdiri daripada asnaf dan pegawai yang terlibat secara langsung dengan urusan pengagihan zakat ditemuramah untuk melihat secara lebih dekat lagi mengenai realiti yang berlaku dalam sistem pengagihan zakat kepada golongan mualaf di Wilayah Persekutuan.

Bagi menganalisis data yang telah diperoleh, metodologi yang digunakan ialah yang berbentuk analisis induktif, deduktif (*istiqra'i*) dan komparatif (*muqaranah*). Cara yang digunakan ialah dengan menganalisis pandangan fuqaha tentang tafsiran asnaf mualaf dengan terlebih dahulu mencari titik persamaan dan perbezaan antara pandangan mereka untuk mendapatkan aspek-aspek yang ditekankan dalam pentafsiran masing-masing. Seterusnya, aspek-aspek ini akan dinilai satu persatu dengan melihat kepada dalil daripada al-Quran dan hadis. Kemudian, penyelidik akan membandingkannya dengan realiti yang berlaku di Wilayah Persekutuan dan menganalisis perkara ini sebelum mengeluarkan satu kesimpulan yang mantap.

PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Definisi Mualaf

Mualaf secara literalnya berasal daripada perkataan bahasa Arab ‘*allafa*’, yang bermaksud menjadikan sesuatu angka itu seribu, mengumpulkan sesuatu antara satu dengan yang lain dan mengarang buku (Ibn Manzur, 1996). *Mu’jam Lughat al-Fuqaha* mendefinisikan mualaf sebagai seseorang yang diberi zakat untuk melembutkan hati mereka supaya memeluk Islam (Qal’ajiyy, 2010). Manakala Menurut Kamus Dewan, Mualaf bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam, saudara baru (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010).

Para fuqaha turut membahaskan mengenai tafsiran asnaf mualaf berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan melalui peristiwa pengagihan zakat yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat baginda SAW. Berdasarkan pandangan para fuqaha madhhab Hanafi, madhhab ini tidak menjelaskan definisi mualaf secara terperinci. Madhhab ini lebih cenderung untuk membahaskan mengenai pemberian zakat kepada asnaf mualaf. Menurut Al-Kasaniyy dalam bukunya “*Bada’i*”, *mu’allaqah qulubuhum* (yang dijinakkan hatinya) ialah pemimpin Quraisy dan pahlawan Arab seperti Abu Sufyan bin Harb, Safwan bin Umayyah, al-Aqra^c bin Habis, ‘Uyaynah bin Hisn al-Fazari, al-‘Abbas bin Mirdas al-Salmi, Malik bin ‘Awf al-Nadri, Hakim bin Hizam dan lain-lain lagi, dan mereka mempunyai kuasa, kekuatan dan pengikut yang ramai (Al-Kasaniyy, t.th). Menurut penulisan dalam *Al-Muhithul Al-Burhaniyy fil Fiqh An-Nu’mān Fiqh al-Imam Abi Hanifah R.A.*, *mualafatu qulubuhum* ialah golongan dari kalangan kaum Musyrikin (Ibn Ahmad, 2004).

Para fuqaha madhhab Malikiyy mengklasifikasikan golongan asnaf mualaf kepada dua golongan, iaitu golongan kafir dan golongan Muslim. Menurut Al-Dusuqiyy (t.th), mualaf ialah orang kafir yang diberikan zakat supaya memeluk Islam. Mualaf juga bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam, lalu diberikan zakat supaya pegangan agamanya semakin kuat. Antara kedua-dua pentafsiran ini, Ibn ‘Irfah telah mengutamakan pentafsiran yang kedua (Al-Dusuqiyy, t.th). Berdasarkan kedua-dua pentafsiran ini, terdapat dua golongan mualaf, iaitu kafir dan muslim.

Menurut para fuqaha madhhab Shafi'iyy, mualaf ditakrifkan sebagai orang yang dijinakkan atau dilembutkan hatinya yang telah memeluk Islam (Al-Shafi'iyy, t.th). Berdasarkan pentafsiran ini, golongan mualaf terbatas kepada orang yang telah memeluk Islam sahaja. Golongan ini diberikan zakat untuk menguatkan lagi pegangan mereka terhadap Islam.

Manakala menurut madhhab Hanbaliyy, mualaf boleh terdiri daripada orang kafir atau muslim. Definisi mualaf bagi madhhab Hanbaliyy adalah;

- a) Pemimpin kafir yang memimpin suatu kaum atau kumpulan yang diharapkan agar memeluk Islam atau diharapkan menghentikan kejahatannya.
- b) Orang Islam yang diharapkan dapat menguatkan keimanannya dengan pemberian zakat.
- c) Pemimpin Muslim yang diharapkan agar para pengikutnya akan memeluk Islam, dapat menggalakkannya supaya berjihad dan membela orang Islam, diharapkan dapat menghentikan kejahatannya dan pemimpin Muslim yang diharapkan dapat menimbulkan kekuatan untuk mengutip zakat daripada mereka yang enggan membayar zakat (Al-Bahutiyy, 1982).

Dari sudut tafsiran kontemporari, terdapat pandangan ulama mutakhir yang cuba menggabungkan beberapa pentafsiran klasik lalu disesuaikan dengan keadaan kontemporari. Antaranya pandangan al-Qaradawiyy yang menyatakan bahawa mualaf ialah orang yang dilembutkan hatinya dengan harapan mereka akan condong kepada Islam atau menguatkan imannya atau menghentikan kejahatan mereka terhadap orang Islam atau diharapkan dapat mengambil manfaat mereka semasa mempertahankan diri daripada mereka atau menolong mereka semasa menentang musuh mereka dan sebagainya (Al-Qaradawiyy, 2000).

Menurut Wahbah al-Zuhayliyy, mualaf ialah mereka yang lemah hatinya terhadap Islam, lalu diberikan zakat untuk menguatkan pegangan mereka terhadap Islam (Al-Zuhayliyy, 1996). Mustafa al-Khin di dalam *al-Fiqh al-Manhajiyy* mentakrifkan golongan mualaf sebagai mereka yang baru memeluk agama Islam (Al-Khin, 2005). Dengan pemberian

zakat kepada mereka diharap akan dapat menguatkan pegangan mereka kepada agama Islam. Begitu juga *mualaf* yang terkenal dan berkedudukan tinggi di kalangan kaum mereka supaya dengan zakat yang diberikan dapat menarik minat golongan mereka kepada Islam.

Pendefinisian *mualaf* di Malaysia secara amnya didefinisikan dengan pelbagai tafsiran. Kepelbagaiannya ini berlaku kerana setiap negeri diberikan kebebasan bagi menguruskan perihal agama Islam di negeri masing-masing. Tafsiran yang diberikan oleh setiap negeri adalah berbeza sama ada mendefinisikan *mualaf* sebagai orang yang baru memeluk Islam (saudara baru) semata-mata atau mengategorikannya kepada dua bahagian, iaitu orang yang baru memeluk agama Islam dan bukan beragama Islam. Di Wilayah Persekutuan, berdasarkan Buku Dasar Agihan Skim Bantuan Baitulmal, asnaf *mualaf* ditakrifkan sebagai mereka yang dijinakkan hatinya atau mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya) terbahagi kepada dua iaitu beragama Islam sama ada baru memeluk agama Islam atau orang yang memeluk Islam tetapi masih lemah imannya dan bukan beragama Islam yang boleh dipujuk supaya masuk Islam, cenderung hatinya kepada ajaran Islam, ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang baik hubungannya dengan ketua-ketua Islam dan masyarakat orang asli yang boleh dipujuk supaya menganut Islam.

Kesimpulannya, berdasarkan pandangan para fuqaha madhhah empat dalam pentafsiran *mualaf*, dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai pandangan yang dibahaskan mengenai pentafsiran *mualaf*. Terdapat pentafsiran yang dipersejui oleh beberapa madhhah, begitu juga, terdapat pentafsiran yang hanya dikemukakan oleh madhhah tertentu. Semua madhhah memberikan definisi *mualaf* dengan menekankan unsur keagamaan dengan wujudnya objektif pengagihan zakat untuk melembutkan hati dan menguatkan iman. Namun tiada fuqaha yang mengaitkan pentafsiran *mualaf* dengan unsur harta iaitu sama ada seseorang *mualaf* itu fakir, miskin ataupun kaya. Mereka mempunyai hak yang sama untuk menerima zakat daripada bahagian asnaf *mualaf*. Hal ini seajar dengan matlamat pemberian zakat kepada *mualaf* yang lebih menumpukan kepada urusan menguatkan Islam dan keislaman seseorang berbanding masalah kemiskinan di kalangan *mualaf*.

Di samping itu, merujuk kepada definisi mualaf menurut tafsiran kontemporari, definisi yang diberikan oleh para ulama kontemporari seperti Yusuf al-Qardhawiyy, Wahbah al-Zuhayliyy dan Mustafa al-Khin menunjukkan bahawa mualaf ialah golongan yang dijinakkan hatinya supaya cenderung dengan agama Islam atau yang baru memeluk Islam dan belum kukuh keislamannya. Pendefinisian yang diberikan melayakkan golongan mualaf menerima bahagian zakat mualaf sepetimana yang termaktub di dalam al-Quran. Manakala di Malaysia, tafsiran mualaf yang ditetapkan adalah berbeza mengikut negeri. Ketidak seragaman pentafsiran ini adalah disebabkan oleh bidang kuasa yang berbeza antara negeri di Malaysia.

Skim Bantuan Zakat Mualaf di Wilayah Persekutuan

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada asnaf mualaf secara amnya yang merangkumi 15 jenis skim bantuan. Antara skim-skim bantuan yang disalurkan kepada asnaf mualaf adalah seperti berikut:

Bil.	Skim Bantuan
1.	Skim Bantuan Kewangan Bulanan
2.	Skim Bantuan Aidilfitri
3.	Skim Bantuan Takaful Asnaf
4.	Skim Bantuan Perumahan Bantuan Deposit Sewa Rumah Dan Sewa Rumah Bulanan, Bantuan Membina / Membeli Rumah Dan Deposit Membeli Rumah Kos Rendah
5.	Skim Bantuan Perubatan haemodialisis, Bantuan Peralatan kesihatan, Bantuan Perubatan Am
6.	Skim Bantuan Keusahawanan, Bantuan Perniagaan, Bantuan Pertanian/Perikanan/Penternakan
7.	Skim Bantuan Pengangkutan, bantuan motosikal OKU, Bantuan Deposit sewa beli taxi, bantuan deposit van/bas sekolah

8.	Skim Bantuan Perkahwinan
9.	Skim Bantuan Guaman Syarie
10.	Skim Bantuan Kecemasan
11.	Skim Bantuan Musibah
12.	Skim Bantuan Am Pelajaran/ Persediaan IPT
13.	Skim Bantuan Pakaian dan Peralatan Persekolahan
14.	Skim Bantuan Tuisyen
15.	Skim Bantuan Agensi-Agenzi Kebajikan dan Institusi Pendidikan

Jadual 1: Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf di Wilayah Persekutuan.

Sumber: Buku Dasar Agihan Skim Bantuan Baitulmal

Berdasarkan jadual 1 Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf di Wilayah Persekutuan, dapat dirumuskan bahawa Majilis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah menyediakan pelbagai jenis skim dan bentuk bantuan mengikut keperluan semasa asnaf yang merangkumi bantuan ekonomi atau kewangan mualaf, bantuan pendidikan, bantuan keusahawanan, bantuan perubatan, bantuan takaful asnaf, bantuan perumahan, bantuan kecemasan dan musibah, bantuan perkahwinan serta Bantuan Guaman Syarie.

Setiap skim yang disediakan oleh Majilis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mempunyai objektif yang tersendiri. Antaranya skim bantuan kewangan bulanan disediakan untuk membantu memenuhi keperluan asnaf dalam bentuk kewangan bulanan melalui akaun penerima. Manakala skim bantuan takaful asnaf diwujudkan bagi meringankan beban asnaf yang ditimpa musibah kemalangan atau kematian. Selain itu, skim bantuan perumahan dan bantuan membina rumah turut disediakan bagi membantu asnaf mualaf yang tidak berkemampuan membayar deposit sewa rumah dan sewa rumah bulanan serta membantu membina kediaman rumah. Skim bantuan perubatan termasuk bantuan peralatan kesihatan juga disediakan untuk meringankan beban kewangan dalam mendapatkan rawatan.

Antara bantuan lain termasuklah bantuan keusahawanan yang merangkumi bantuan perniagaan, bantuan pertanian, perikanan dan

penternakan bagi membantu masyarakat atau asnaf mualaf Wilayah Persekutuan yang ingin berdikari dengan menjalankan aktiviti keusahawanan untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Di samping itu, kemudahan bagi orang kelainan upaya (fizikal) turut disediakan melalui skim bantuan pengangkutan. Melalui skim ini, bantuan yang disediakan adalah berbentuk pembiayaan motosikal kepada golongan kelainan upaya (fizikal) yang bertujuan untuk memudahkan urusan perniagaan mereka atau pergerakan sehari-hari.

Skim bantuan perkahwinan juga diwujudkan bagi membantu mengurangkan bebanan tanggungan kos bagi golongan yang ingin melangsungkan perkahwinan. Skim Bantuan Guaman Syarie turut disediakan bagi membantu umat Islam yang menghadapi masalah terutamanya untuk mempercepatkan tuntutan kes *mal* iaitu kes berkaitan dengan perkara perwarisan, perkahwinan, perceraian dan penjagaan anak di Mahkamah Syariah, di samping dapat membantu meringankan beban kewangan berkaitan dengan kos guaman yang dihadapi oleh umat Islam yang terlibat dengan masalah tuntutan kes di Mahkamah Syariah. Kadar bantuan maksimum yang diberikan adalah berjumlah RM15,000 yang melibatkan tuntutan di Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Selain bantuan perkahwinan dan Bantuan Guaman Syarie, skim bantuan kecemasan dan musibah turut disalurkan bagi membantu asnaf mualaf yang menghadapi masalah dan memerlukan pertolongan akibat terputusnya perbelanjaan sara hidup.

Dari aspek pendidikan, Majilis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) turut menyediakan bantuan berbentuk skim bantuan am pelajaran atau persediaan ke Institut Pengajian Tinggi, skim bantuan pakaian dan peralatan persekolahan, skim bantuan tuisyen serta skim bantuan untuk agensi-agensi kebajikan dan institusi pendidikan. Skim bantuan yang disediakan ini dapat meringankan bebanan perbelanjaan persekolahan atau pendidikan sekaligus dapat membantu meringankan beban perbelanjaan yang ditanggung oleh ibu, bapa atau penjaga untuk menyediakan keperluan bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Bantuan berbentuk dana kewangan turut disalurkan kepada agensi kebajikan dan institusi pendidikan sebagai inisiatif untuk menjalankan aktiviti dakwah dan kebajikan dengan lebih tersusun dan menyeluruh.

Namun, bagi melayakkan golongan asnaf mualaf menerima pelbagai jenis skim bantuan yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi bagi setiap skim yang disediakan. Antara syarat umum bantuan yang perlu dipenuhi bagi melayakkan golongan asnaf mualaf mendapatkan bantuan yang disediakan mestilah seseorang yang beragama Islam, warganegara Malaysia, bermastautin atau menetap di Wilayah Persekutuan tidak kurang dari satu tahun dan masih menetap di Wilayah Persekutuan dan tertakluk kepada pengiraan had kifayah iaitu had kecukupan asnaf.

Cadangan Penambahbaikan Skim Bantuan Zakat Mualaf di Wilayah Persekutuan

Berdasarkan analisa yang telah dijalankan mengenai skim bantuan mualaf yang telah disediakan oleh pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), penyelidik mendapati skim-skim bantuan zakat kepada asnaf mualaf hampir melengkapi setiap keperluan asnaf mualaf. Namun masih terdapat ruang penambahbaikan skim bantuan yang boleh dicadangkan untuk dilaksanakan di Wilayah Persekutuan bagi melengkapkan lagi keperluan serta memastikan kebajikan asnaf mualaf lebih terpelihara. Antara cadangan skim bantuan baru yang dikemukakan oleh penyelidik untuk dilaksanakan di Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

Bil.	Cadangan Skim Bantuan Zakat Mualaf
1.	Skim Bantuan Pengurusan Jenazah
2.	Skim Bantuan Berkhatan
3.	Skim Bantuan Simpanan Tabung Haji

Jadual 2: Cadangan Skim Bantuan Zakat Asnaf Mualaf di Wilayah Persekutuan

Berdasarkan jadual 2 di atas, penyelidik mencadangkan beberapa skim tambahan yang dilihat sesuai untuk dilaksanakan bagi memenuhi kebaikan asnaf mualaf. Sebagai contoh, skim bantuan pengurusan jenazah disediakan bagi menangani masalah berkaitan kes jenazah yang tidak dituntut oleh keluarga atau menjadi perebutan keluarga bukan Islam. Selain itu, skim bantuan berkhatan juga dilihat praktikal untuk dilaksanakan kerana ianya bukan sahaja dapat membantu mualaf menjalankan kewajipan mereka menjaga kesucian lahiriah malah memberi dorongan dan sokongan kepada asnaf mualaf yang baru mendekatkan diri dengan agama Islam.

Di samping itu, skim bantuan simpanan Tabung Haji juga dilihat relevan untuk disediakan kepada asnaf mualaf yang baru memeluk agama Islam. Skim ini dapat memastikan simpanan dan dana masa panjang mereka lebih terjamin dan memberi peluang kepada mereka untuk menunaikan haji.

Justeru, penyelidik berpendapat bahawa dengan kewujudan skim bantuan tambahan kepada asnaf mualaf seperti skim bantuan pengurusan jenazah, skim bantuan berkhatan dan skim bantuan simpanan Tabung Haji dapat melengkapkan lagi bantuan zakat kepada asnaf mualaf yang sedia ada. Kebajikan asnaf mualaf yang baru memeluk agama Islam akan lebih terpelihara melalui skim bantuan tersebut. Cadangan skim bantuan tambahan kepada asnaf mualaf juga akan dapat memenuhi keperluan dan kehendak mereka dalam aspek kehidupan yang serba mencabar di Wilayah Persekutuan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan bahawa skim-skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf mualaf di Wilayah Persekutuan (MAIWP) hampir melengkapi setiap keperluan semasa asnaf mualaf. Namun, masih terdapat beberapa ruang penambahbaikan skim bantuan zakat kepada asnaf mualaf yang boleh dicadangkan untuk dipertimbang dan diadaptasikan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran skim bantuan zakat. Skim bantuan yang dilihat relevan untuk dilaksanakan adalah skim bantuan pengurusan jenazah, skim bantuan berkhutan dan skim bantuan simpanan Tabung Haji. Setiap skim yang dicadangkan oleh penyelidik mempunyai justifikasi tersendiri. Dengan adanya skim ini diharap dapat melengkapkan lagi keperluan asnaf mualaf, diikuti dengan pengagihan zakat yang efisen dan menyeluruh mampu memberi semangat kepada golongan mualaf ini dalam mengharungi kehidupan yang serba baru. Ini kerana terdapat di antara golongan mualaf ini yang dipinggirkan daripada kaum keluarga kerana memeluk agama Islam.

RUJUKAN

Al-Quran

- Al-Bukhariyy, Mahmood Ibn Mazah. (2004). *Al Muhit al-Burhaniyy fi al-Fiqh al-Numani*. Beirut: Dar al-kutub al-Alamiah.
- Al-Bahutiyy, Mansur bin Yunus bin Idris. (1982). *Kashshaf al-Qina'an Matn al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazaliyy, Muhammad Ibn Muhammad. (t.th). *al-Wasit fi al-Madhab*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Khin, Mustafa; Al-Bugha, Mustafa; Al-Sharbajiyy, Aliyy. (2005). *al-Fiqh Al Manhaji:Manhaj Fiqh Al-Shafi'iyy*. Jilid II. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd.
- Al-Qaradawiyy, Yusuf Abdullah. (2000). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Qurtubiyy, Mohammad Ahmad al-Ansariyy. (t.t). *Jami' al-Ahkam al-Qur'an*, j.8, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 113.
- Al-Shiraziyy, Abu Ishak Ibrahim Ibn Aliyy. (t.th.). *Al-Muhadzab fi al-Fiqh al-Imam al-Shafi'iyy*. t.tp: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- _____. (t.th.). *at-Tanbih fi al-Fiqh al-Shafi'iyy*. t.tp: 'Alim al-Kutub.
- Al-Zuhayliyy, Wahbah (1997), *Fiqh Islami wa Adillatuh*. c.4. j. 3. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmas & Radiah Abdul Kader. (2010). “*Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian Di Malaysia*”. Jurnal Pengurusan JAWHAR. Vol.4. No.1 (2010). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Hasanah Abd Khafidz. (2006). *Asnaf Lapan : Kesan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia*.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Makran Ibn Manzur al-Afriqiyy al-Misriyy. (t.th). *Lisan al- 'Arab*, Beirut: Dar al-Bayrut.

- Ibn Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad Ibn Muhammad al-Maqdisiyy. (1992). *al-Mughniyy ḥala mukhtasar al-Kharqiyah*. Sunt. ḤAbd al-Salam Muhammad ḤAli Shahin. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ibn Rusyd, Muhammad Ibn Ahmad Al-Qurtubiyy. (1996). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. j.2, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. c.1. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Muhammad Ramzi Omar. (2004). *Zakat Menurut Empat Madhhab*. c.1. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Mujaini Tarimin. (2006). *Golongan Penerima Zakat : Agihan Dana Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Qalṣājiyy, Muhammad Rawas. (2010). *Mu’jam Lughat al-Fuqaha*. Beirut: Dar an-Nafaes.
- Uwais, Abd al-Halim. (2004) *Mausu‘ah al-Fiqh al-Islami al-Mu‘asir*. c.1. Mansurah: Dar al-Wafa.
- Buku Dasar Agihan Skim Bantuan Zakat Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- MAIWP Salur RM1.5Juta Wang Zakat Bantu Pesakit Hospital. <http://maiwp.gov.my/i/index.php/berita-maiwp/51-berita-arkib/333-maiwp-salur-rm1-5-juta-wang-zakat-bantu-pesakit-hospital> (diakses pada 9 Julai 2015)